



[Hubungi kami](#) || [Hotline](#) || [Arkib](#) ||

## Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

### Mahasiswa diseru supaya menunaikan amanah dan memeliharanya

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Ogos.** - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, dalam isi Kuliah Bersama Mufti menjelaskan, mempertahankan sahsiah itu adalah satu amanah kerana ibu bapa melepaskan anak-anaknya belajar adalah dengan amanah, dengan pesanan (pesanan itu adalah amanah), supaya belajar bersungguh-sungguh sambil menjaga akhlak dan keperibadian yang baik.



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam dalam sesi kuliah bersama para peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Brunei Di Seberang Laut 2011 menekankan akan kepentingan mempertahankan sahsiah.** (Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman)

Yang Berhormat menyatakan demikian semasa di sesi Kuliah Bersama Mufti kepada 82 peserta-peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Brunei Di Seberang Laut 2011 di Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), di Jalan Babu Raja, semasa lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB) pagi tadi di sini.

Dalam Kuliah Bersama Mufti, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sahsiah yang rapuh adalah sahsiah yang tidak tahan uji. Dalam negeri, jelas Yang Berhormat sahsiah kita Melayu, sahsiah kita Brunei, tetapi apabila di luar sahsiah kita bukan lagi Melayu atau Brunei. Apa tidak cacatkah sahsiah yang macam ini?

"Sahsiah yang hebat ialah seperti ikan di laut dalam, walau bagaimanapun masinnya laut, namun pengaruh masin itu tidak berlaku ke atas ikan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut menyeru kepada para mahasiswa supaya bercakap benar, tulus kepada diri sendiri dan istimewa kepada ibu bapa dan jangan membohongi ibu bapa kerana membohongi ibu bapa itu tidak berkat dan tulah, dan jika tidak berkat, tidak ada harapan untuk cemerlang.

Jelas Yang Berhormat, Allah menolong orang yang bercakap benar dan Allah lindungi dia dan malah orang yang bercakap benar dapat menyumbang kebajikan kepada orang lain.

Jika dibuat kajian, tambah Yang Berhormat, perbandingan di antara mereka yang bercakap benar kepada ibu bapa dan yang tidak bercakap benar tentu sahaja ada perbezaannya di antara keduanya.

Terang Yang Berhormat, penuntut yang bercakap benar akan lebih dimudahkan masalahnya, akan lebih maju pengajiannya dan akan lebih cepat berjaya, sementara yang tidak tulus, yang tidak transparent dengan ibu bapa, atau lebih banyak berbohong dari benarnya, penuntut seperti ini biasanya banyak masalahnya, masalah dalam pengajiannya, masalah dalam pelbagai urusan dan seumpamanya.

Secara peribadi, Yang Berhormat turut rimas dan tidak gembira dengan kelakuan menyakiti ibu bapa dengan pembohongan-pembohongan dan sikap tidak *transparent* dari anak-anak itu.

"Ini sepatutnya tidak boleh berlaku kerana baik dari segi moral mahupun lebih-lebih lagi agama, ia adalah salah dan berdosa," tegas Yang Berhormat.

Dari itu, Yang Berhormat menyeru mahasiswa supaya menunaikan amanah itu dan memeliharanya supaya mendapat berkat dan sebaliknya jika dicuaikan, tidak ada jaminan untuk berkah itu diperolehi.

*(Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman)*